



## PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 10 BIL 10/2021

### OPERASI PENGHANTARAN PELAJAR PULANG SEMPENA CUTI SEMESTER SESI 2020/2021

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar di kasihi,

Merujuk kepada pemakluman rasmi Hal Ehwal Pelajar ke 32 Bilangan 17 Tahun 2021 mengenai Pengoperasian Pengurusan Pelajar Pergerakan Pelajar Pulang Sempena Cuti Semester 2020/2021 Universiti Malaysia Pahang bertarikh 11 Julai 2021, Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi mengenai Pergerakan Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Pulang Sempena Cuti Semester 2020/2021 bertarikh 9 Julai 2021 dan keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pengoperasian Pelajar Pulang, berikut adalah proses yang akan dilaksanakan bagi kelancaran operasi dan menjaga Prosedur Standard Operasi (SOP) yang telah ditetapkan seperti berikut:

#### 1.1 Pergerakan Kenderaan Universiti

##### i. Pelajar Dalam Kampus

- a. Pergerakan pulang ke setiap destinasi bagi pelajar Kampus Gambang dan Pekan adalah berdasarkan jadual pergerakan seperti Lampiran 1.

##### ii. Pelajar Luar Kampus

- a. Pergerakan pulang ke setiap destinasi bagi pelajar Luar Kampus adalah tertakluk kepada status Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) lokaliti semasa .
- b. Jadual perjalanan pelajar luar kampus adalah **BERBEZA** dengan pelajar dalam kampus **KECUALI** yang telah menjalani ujian calitan (*swab test*), adalah dibenarkan untuk menaiki kenderaan universiti Bersama pelajar dalam kampus sebagaimana jadual pergerakan di Lampiran 1.
- c. Kos ujian calitan (*swab test*) adalah di bawah tanggungan pelajar dan keputusan ujian calitan perlu diperolehi sebelum tarikh pergerakan setiap destinasi.

- d. Bagi pelajar yang tidak membuat ujian calitan (*swab test*), jadual pergerakan akan dimaklumkan **SEGERA**.

iii. **Pelajar Sabah, Sarawak dan Labuan**

- a. Tiket penerbangan adalah dibawah tanggungan pelajar berdasarkan destinasi masing-masing.
- b. Pihak universiti akan menyediakan kemudahan secara berkumpulan pengangkutan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atau lapangan terbang Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan.
- c. Pelajar **WAJIB** menjalani ujian calitan (*swab test*) dan keputusan ujian calitan perlu diperolehi sebelum tarikh pergerakan setiap destinasi tertakluk kepada ketetapan kerajaan negeri masing-masing.
- d. Ujian calitan (*swab test*) perlu dilaksanakan di mana-mana Pusat Kesihatan Daerah (PKD) dan kos adalah ditanggung oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun, pihak universiti tiada halangan bagi pelajar untuk menjalani ujian calitan (*swab test*) di mana-mana hospital/klinik swasta dengan tanggungan sendiri.

1.2 **Surat Kebenaran Merentas Daerah / Negeri**

- i. Pelajar **WAJIB** mengemaskini tarikh pulang dan status daerah di dalam Sistem Pelajar Pulang ke kampung dan **MENCETAK** surat Kebenaran Merentas Daerah/Negeri **SATU HARI** sebelum tarikh pergerakan pulang.
- ii. Surat kebenaran ini adalah digunakan **KHAS** bagi kegunaan di Sekatan Jalan Raya (SJR):
  - a. Pelajar yang merentas daerah/negeri (**kenderaan sendiri/ kenderaan IPT/ penerbangan**);
  - b. Ibu bapa/penjaga untuk menjemput pelajar di *checkpoint* (**rentas DAERAH SAHAJA**);
  - c. Ibu bapa/penjaga untuk menjemput pelajar dari lapangan terbang (**rentas DAERAH/NEGERI SAHAJA**);
- iii. Tempoh sah laku surat kebenaran yang telah dicetak adalah bagi tempoh **3 HARI SAHAJA**. Sebarang perubahan tarikh balik perlulah dimaklumkan semula kepada pihak JHEP melalui Sistem Pelajar Pulang ke Kampung di E-Community.
- iv. Permohonan baharu melalui Sistem Pelajar Pulang ke Kampung Fasa 2 akan dibuka pada 20 Julai 2021. Pelajar yang tidak berkesempatan untuk mengisi semasa Fasa Pertama boleh memohon pulang ke kampung.

### 1.3 Tanggungjawab dan pematuhan SOP Covid-19

- i. Aspek keselamatan dan kesihatan pelajar adalah menjadi keutamaan UMP ketika pergerakan pelajar berlangsung. Semua pelajar dan pihak yang terlibat boleh merujuk kepada SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) di laman web <https://www.mkn.gov.my/web/ms/pelan-pemulihan-negara-fasa/> dan FAQ Pergerakan Pelajar Pulang bagi mendapatkan perincian maklumat berkenaan pergerakan pelajar sebagaimana dilampirkan.
- ii. Peraturan ini wajib dipatuhi tanpa sebarang prejudis. Siasatan akan dijalankan kepada mana-mana pihak yang didapati gagal mematuhi pemakluman ini dan tindakan bersesuaian peraturan universiti boleh dikenakan.
- iii. Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik berkaitan pasca siswazah, pelajar boleh menghubungi Institut Pengajian Siswazah (IPS) seperti talian UMP Kampus Gambang (09-5493206) atau melalui emel [ips.academic@ump.edu.my](mailto:ips.academic@ump.edu.my).
- iv. Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik berkaitan pra siswazah pelajar boleh menghubungi Fakulti masing-masing atau sila hubungi Pusat Pengurusan Akademik seperti berikut Kampus Gambang (09-5492550) dan UMP Pekan (09-4245252) atau melalui emel [ppa@ump.edu.my](mailto:ppa@ump.edu.my).
- v. Sebarang pertanyaan mengenai pengurusan pelajar, sila hubungi Bilik Gerakan UMP seperti berikut Kampus Gambang (09-5493333) dan UMP Pekan (09-4246999) atau melalui emel [admin.jhepa@ump.edu.my](mailto:admin.jhepa@ump.edu.my)

Sekian untuk makluman.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID 19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**PROF MADYA DR MANSOR BIN SULAIMAN**

Dekan Perkhidmatan Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Tarikh: 14 Julai 2021

s.k Timbalan Naib Canselor HEP

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

LAMPIRAN 1

**JADUAL PERGERAKAN KENDERAAN UNIVERSITI BAGI PENGHANTARAN PELAJAR  
PULANG SEMPENA CUTI SEMESTER 2020/2021  
TEMPAT BERKUMPUL: DEWAN ASTAKA, KAMPUS GAMBANG**

BIL	STESEN PERHENTIAN	TARIKH	MASA BERTOLAK	BAS SHUTTLE PEKAN-GAMBANG			
<b>ZON UTARA</b>							
1	STESEN BAS KUALA PERLIS	<b>15/7/2021 Khamis</b>	<b>9:30 Malam</b>	<b>6.00P Petang</b>			
2	TERMINAL BAS SHAHAB PERDANA, ALOR SETAR, KEDAH						
3	TERMINAL BAS SG NIBONG, PULAU PINANG						
<b>ZON TIMUR</b>							
4	STESEN BAS KOTA BHARU, KELANTAN	<b>17/7/2021 Sabtu</b>	<b>3.00 petang</b>	<b>12.00 tengah hari</b>			
	PELAJAR BERANG/JERTEH NAIK BAS KOTA BHARU						
5	TERMINAL BAS EXPRESS, JELI KELANTAN						
6	LIPIS / BENTA / BERA						
7	BENTONG / TEMERLOH / JENGA / MARAN / JERANTUT						
8	STESEN BAS DUNGUN, KUALA DUNGUN, TERENGGANU						
9	STESEN BAS CHUKAI, KEMAMAN						
10	HENTIAN BAS MAJLIS PEMBANDARAN KUALA TERENGGANU, TERENGGANU						
<b>ZON SELATAN,ROMPIN DAN PERAK</b>							
11	LARKIN SENTRAL, JOHOR BHARU				<b>18/7/2021 Ahad</b>	<b>3.00 petang</b>	<b>12.00 tengah hari</b>
12	TERMINAL BAS EXPRESS BATU PAHAT, JOHOR						
13	STESEN BAS LAMA MERSING, JOHOR						
14	ROMPIN						
15	TERMINAL AMAN JAYA, IPOH PERAK						
16	TERMINAL TAIPING, JLN MASJID, TAIPING PERAK						

**NOTA PENTING :**

1- Bagi lokasi yang tidak disenaraikan di atas, sila rujuk pemakluman rasmi bagi Jadual Pegerakan Kenderaan Universiti yang terkini di Ecommunity dan media sosial rasmi Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Pahang dari semasa ke semasa.

2- Pelajar dinasihatkan agar berada di Dewan Astaka, Kampus Gambang selewat-lewatnya 30 minit sebelum waktu bertolak.

Tindakan **WAJIB** yang perlu pelajar lakukan adalah

1. Cetak Surat Kebenaran Pulang
2. Melakukan proses Check-out dan memulangkan kunci – Surat Rentas dicop pengesahan pihak asrama
3. Memakai Pelitup Muka
4. Beg dan barang perlu dinamakan dan dibungkus dengan rapi dan kemas

**Tindakan Tambahan bagi Pelajar Kampus Pekan**

1. Hadir ke Pusat Aktiviti Pelajar (PAP) Aras 1 Sebelum 30 minit bas shuttle akan sampai.